

## UMP terima kunjungan Datuk Maznah Mazlan



Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Senator Datuk Maznah Mazlan yang dalam rangka lawatan rasmi ke Kuantan telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 27 April 2009 yang lalu.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama beliau ke UMP selepas memegang jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Sumber Manusia.

Kedatangan Datuk Maznah ke kampus UMP telah disambut mesra oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapan alu-aluannya sangat mengalu-alukan kunjungan Yang Berhormat Senator Datuk Maznah Mazlan untuk mengenal UMP dengan lebih dekat lagi.

Manakala menurut Datuk Maznah, lawatan ini bertujuan untuk memahami dan mengetahui dengan lebih dekat lagi hala tuju UMP dalam memperkasakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan (*safety and health*).

Di samping itu, beliau juga ingin mendengar isu-isu yang ada dalam melaksanakan program tersebut.

Dalam pertemuan selama lebih kurang dua jam itu, Datuk Maznah diberi penerangan ringkas oleh Pengarah Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Mohammad Rozi Hassan berkaitan program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah ditawarkan kepada industri dan pendedahan awal kepada staf dan para pelajar UMP.

Selain itu, Datuk Maznah turut bertukar-tukar pandangan tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga isu-isu berkaitan dengan Sumber Manusia di UMP.

## 2 Ahli LPU, TNC terima anugerah daripada Sultan Pahang



Dato' Rohani binti  
Abdullah



Dato' Sri Abdul Aziz bin  
Abdul Rahman



Profesor Dato' Dr.  
Sabarudin bin Mohd.

Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Berbahagia Datin Rohani Abdullah dan Yang Hormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman serta Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Sabarudin Mohd. telah dikurniakan dengan darjah kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Ke-79 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'ain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah baru-baru ini.

Datin Rohani dan Profesor Dr. Sabarudin masing-masing menerima Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato'.

Manakala Dato' Abdul Aziz pula menerima Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah peringkat pertama, Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato Sri.

Sidang editorial CREATE mengucapkan tahniah kepada semua penerima darjah kebesaran.